

**Empat Lagi Negara Anggota OIC Tandatangani Statut Pembangunan Wanita
Bernama
5 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Empat lagi negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) iaitu Arab Saudi, Turki, Libya dan Republik Guinea menandatangani statut Pembangunan Wanita OIC pada Isnin.

Sehingga kini, 15 negara anggota OIC menandatangani statut badan khusus OIC itu yang memberi tumpuan terhadap pembangunan dan peningkatan peranan wanita.

Badan itu bertanggungjawab membina keupayaan, kemahiran dan kecekapan wanita melalui pelbagai mekanisme, termasuk latihan, pendidikan dan pemulihan, sejajar dengan nilai-nilai murni yang dianjurkan Islam.

Dalam kenyataannya, OIC berkata empat negara itu menandatangani statut berkenaan di luar rangka Mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC di Kaherah, Mesir, menjelang berlangsungnya Sidang Kemuncak Islam Ke-12 pada Rabu.

OIC bagaimanapun berkata setakat ini, hanya tiga negara anggotanya mengesahkan statut berkenaan dan pengesahan oleh 15 negara anggota diperlukan untuk membolehkannya dikuatkuasakan.

Statut ini memperuntukkan bahawa 'Pertubuhan Pembangunan Wanita' akan ditubuhkan di setiap negara anggota OIC, dengan ibu pejabatnya ditempatkan di Kaherah.

Tujuan utama statut ini ialah untuk menyerlahkan peranan Islam dalam memulihara hak wanita Islam, terutama pada forum antarabangsa yang disertai OIC.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926325>